

MEMBEKAL DAN MEMASANG 20 UNIT MYKIOSK 2.0 DI TAPAK NIAGA ROUNDABOUT @ PUTRA HEIGHTS SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

NO. SEBUT HARGA: MBSJ.KUB.400-5/6/639

BIL	PREAMBLES
	NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN
A	Nota makluman dan pematuhan ini merupakan sebahagian dari dokumen kontrak dan perlu dibaca bersama-sama dengan kadar harga yang dinyatakan didalamnya.
B	Kontraktor dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan bekalan ini. ia bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua bekalan yang dinyatakan mengikut spesifikasi dan piawaian yang telah ditetapkan di dalam senarai kuantiti. Kontraktor pada setiap masa, perlu merujuk kepada pegawai penguasa atau wakilnya sekiranya terdapat permasalahan di tapak. Dengan menandatangani dokumen ini, pihak kontraktor telah mengesahkan bahawa pihaknya telahpun membaca dan memahami segala isi kandungan dokumen ini.
C	Bayaran akan dibuat berdasarkan senarai kuantiti sebenar di tapak setelah selesai pembekalan. Kuantiti akhir akan dipersetujui bersama kontraktor atau wakilnya dengan pegawai penguasa atau wakilnya.
D	Pihak kontraktor dinasihatkan agar membuat laporan polis sekiranya terdapat mana-mana pihak/kumpulan/individu yang cuba/telah memeras ugut/bertindak ganas/mengganggu kakitangan/individu serta aset yang dibawah kawalselia pihak kontraktor. Ini adalah bagi melindungi keselamatan/kepentingan nyawa dan harta milik kontraktor di tapak. Pihak majlis tidak akan campur tangan secara langsung atau tidak langsung dalam menangani permasalahan ini.
E	Setiap pekerja kontraktor atau mana-mana individu berkait dengan kontraktor adalah diwajibkan memakai peralatan keselamatan seperti topi keselamatan, vest keselamatan, but keselamatan, dan lain-lain peralatan keselamatan yang perlu selama dia berada di lokasi atau tapak kerja. Kegagalan berbuat demikian, laporan kepada pihak berkuasa yang berhak untuk mengikut Akta Keselamatan Pekerja bagi setiap kesalahan oleh setiap pekerja atau individu.
	BAYARAN FI PENYEDIAAN DOKUMEN PERJANJIAN
F	Petender yang berjaya dikehendaki menandatangani perjanjian secepat mungkin selepas semua terma dan syarat-syarat dalam perjanjian tersebut dipersetujui kedua-dua pihak dari tarikh keluarnya surat setuju terima. Petender juga akan menanggung kos penyediaan Dokumen Perjanjian yang ditetapkan oleh pihak Majlis. Sekiranya petender gagal untuk menandatangani perjanjian dalam tempoh tersebut, ia boleh menjejaskan proses tuntutan bayaran. Jumlah bayaran hendaklah merujuk kepada rujukan 21.0 dalam Arahan Kepada Pentender.

BIL	PREAMBLES
	<p>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN (SAMB.)</p> <p>PENYEDIAAN PERLINDUNGAN TAKAFUL/INSURAN</p> <p>A Petender yang dilantik hendaklah menyediakan dan mengemukakan Perlindungan ** Takaful/Insurans Tanggungan Awam dan Pampasan Pekerja sebelum melaksanakan bekalan ini (rujuk Perkara 23 dalam Arahan Kepada Petender) sekiranya berkaitan.</p> <p>**Walau bagaimanapun, petender adalah digalakkan untuk mengambil Pelan Perlindungan Takaful berbanding Pelan Perlindungan Insurans.</p> <p>B Petender hendaklah menyediakan Bon Perlaksanaan (<i>Performance Bond</i>) dalam bentuk Bank/ Islamic Bank/BPIMB/Insurans/Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM 200,000.00 (rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender).</p> <p>CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP) BERDASARKAN AKTA CUKAI JUALAN 2018 [AKTA 806] DAN AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018 [AKTA 807.</p> <p>C Semua tawaran harga secara Tender / Sebut Harga yang dikemukakan oleh Petender hendaklah tanpa kiraan Cukai Jualan dan Perkhidmatan Malaysia (CJCP).</p> <p>D Petender hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran CJCP kepada pihak Majlis sekiranya mengenakan caj CJCP kepada pihak Majlis.</p> <p>E Sekiranya Petender yang berjaya adalah berdaftar dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), pihak Majlis akan mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada Petender yang berjaya dengan tawaran harga termasuk kenaaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan Malaysia (CJCP).</p> <p>F Bagi Petender yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta CJCP, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar SST setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka pihak Petender hendaklah memaklumkan dengan segera kepada pihak Majlis berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (Akta SST 2018). Pelarasan harga kenaaan SST tersebut akan dimuktamadkan oleh Pegawai Penguasa (P.P).</p> <p>KEKEMASAN AKHIR</p> <p>G Melaksanakan kekemasan akhir di tapak termasuk pembersihan, pembaikan jalan/parit/lanskap/laluan yang rosak dan membuang sisa bina keluar dari tapak serta memastikan kawasan bersih seperti sediada sehingga memuaskan Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa .</p>